

02 MAR 2000

MOTOROLA-PELABURAN

MOTOROLA LABUR AS\$250 JUTA HINGGA AS\$500 JUTA DI MALAYSIA

PETALING JAYA, 2 Mac (Bernama) -- Motorola Inc, sebuah syarikat penyedia komunikasi dan elektronik terkemuka di dunia, menjangka untuk melabur sebanyak AS\$250 juta hingga AS\$500 juta di Malaysia dalam lima hingga tujuh tahun akan datang, kata pengerusi dan ketua eksekutifnya Christopher Galvin.

Sebahagian besar daripada pelaburan tersebut akan disalurkan kepada pembangunan perisian, katanya pada satu sidang akhbar di sini hari ini.

"Antara lain, kami ingin meningkatkan kemudahan perisian kami, meningkatkan kualiti keluaran perisian kami, dan meningkatkan kemahiran kakitangan kami dalam pengeluaran perisian dengan mempertingkatkan penyelidikan dan pembangunan, rekabentuk dan kemudahan latihan kami, selain daripada melabur dalam operasi separa konduktor tradisi," kata Galvin yang sedang dalam lawatan seharusnya ke Malaysia.

"Memandangkan tempoh pelaburan, kami mempunyai masa yang banyak untuk melakukan semua ini," tegasnya.

Terdahulu, Galvin, yang juga ahli panel penasihat antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC), telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil memuji prestasi operasi Motorola di Malaysia, beliau berkata beliau juga menjangkakan bahawa operasi tempatan akan meningkatkan prestasinya tahun ini selepas mencapai lonjakan jualan sebanyak 45 peratus kepada RM2 bilion tahun lalu.

"Saya amat berpuas hati dengan operasi di Malaysia. Saya yakin Malaysia akan mencapai prestasi tinggi di masa akan datang," katanya.

Motorola beroleh rangsangan daripada kepimpinan luarbiasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya, sambil menambah bahawa Perdana Menteri telah mewujudkan persekitaran politik yang baik di negara ini dan telah berjaya membawa Malaysia keluar dari krisis kewangan.

Kini Motorola merupakan satu daripada pelabur terbesar di Malaysia dengan pelaburan setakat ini berjumlah RM4.8 bilion.

Operasi Malaysiannya, Motorola Malaysia Sdn Bhd, telah wujud sejak 27 tahun lalu.

"Semua agregat pelaburan ini akan membantu kami menjadi lebih berdaya saing manakala kehadiran kami di negara ini lebih menarik," katanya.

Katanya Motorola juga amat yakin terhadap Malaysia dengan persekitaran yang sesuai dari segi kualiti prasarana dan sumber manusia bagi pertumbuhan pelaburan di sini.

Mengenai peluasan Motorola dalam jangka terdekat di Malaysia, beliau berkata ia akan melibatkan pembangunan dan pengembangan kumpulan jurutera perisian terkemuka dan penubuhan Pusat Kecemerlangan Perisian Multimedia Motorola di Cyberjaya.

Rancangan-rancangan lain termasuklah pelaksanaan projek Fasa 1 daripada empat fasa projek Technoplex Motorola Technoplex di Pulau Pinang dan peluasan operasi Separat Konduktor Motorola Malaysia.

"Komitmen Motorola merupakan serampang dua mata. Di samping pertumbuhan perniagaan, syarikat ini akan memberi tumpuan kepada pertumbuhan sekumpulan jurutera dan kakitangan teknikal perisian tempatan," katanya.

Menurut beliau, Motorola merancang untuk memberi tumpuan bukan sahaja kepada pembangunan kecekapan kejuruteraan tetapi juga kepada usaha memupuk bakat kreatif dan ide inovatif.

"Ini akan memenuhi keperluan ekonomi Malaysia dengan lebih baik lagi

kerana lama kelamaan, mereka boleh menjadi usahawan era maklumat negara di masa akan datang.

-- BERNAMA

RIZ KY MA